

02/04/2002

Angka 2204 bawa tuah kepada calon Barisan Nasional

Zainudin Isa; Misiah Taib

ANGKA 2,204 mungkin tidak mendatangkan apa-apa makna kepada kaki judi kerana ia dikatakan nombor yang tidak memberi tuah. Kalau dua dicampur dua dan dicampur kosong, jawapannya tetap empat.

Bagi masyarakat Cina Kantonis, empat adalah nombor yang membawa unsur kematian dan jika dua angka empat pula membawa maksud 'senang mati.'

Namun, walau apa pun percaturan kaki judi, tuah kepada calon Barisan Nasional (BN), Yum Ah Ha, kelmarin tiada siapa pun tahu.

Benar kata pepatah Melayu, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu.

Majoriti 2,204 undi itulah yang mengesahkan beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari sehingga pilihan raya umum akan datang.

Selepas lapan hari dihidangkan dengan pelbagai isu, akhirnya pengundi di kawasan DUN Ketari memutuskan untuk memilih tawaran terbaik - BN sebagai satu-satunya parti yang boleh menjamin nasib dan masa depan penduduk di situ.

Penerimaan pengundi di Ketari terhadap konsep kerjasama dan kesepakatan dalam BN yang turun dengan satu lambang, terserlah apabila jumlah undi yang diterima parti itu hampir di semua kawasan, jauh meningkat berbanding pilihan raya umum 1999.

Lawan BN, DAP, agak tersentak dengan kemenangan majoriti hampir 10 kali ganda oleh BN dengan memperoleh 2,204 undi, berbanding hanya 231 undi pada pilihan raya umum 1999.

Harapan mereka untuk menyapu bersih atau sekurang-kurangnya 90 peratus undi penduduk majoriti Cina juga berkecai kerana daripada 17,143 pengundi, 9,228 atau 53.83 peratus adalah pengundi Cina.

Lebih memeritkan analisis DAP nanti ialah tiada satu pun daripada 10 kawasan atau daerah mengundi menyaksikan penyusutan jumlah undi yang diperoleh BN, termasuk di kawasan majoriti pengundi Cina yang menyaksikan kedudukan BN bertambah kukuh dan mantap.

Walaupun lima kawasan di DUN Ketari mempunyai majoriti pengundi Cina dan lima lagi kawasan majoriti pengundi Melayu, namun Yum mendahului di lapan kawasan, termasuk tiga kawasan majoriti pengundi Cina.

Tiga kawasan majoriti pengundi Cina yang dimenangi BN ialah Sungai Dua, Bukit Tinggi dan Genting Highlands.

Di Sungai Dua, kawasan yang dimenangi DAP pada pilihan raya 1999 dengan meraih 321 undi berbanding BN dengan 316 undi, BN dapat memantapkan kedudukannya apabila meraih 437 undi pada pilihan raya kecil ini, berbanding 266 undi yang diperoleh DAP.

Sebanyak 83.69 peratus pengundi di Sungai Dua adalah pengundi Cina manakala bakinya pengundi Melayu, Orang Asli, India dan lain-lain bangsa.

Begitu juga bagi kawasan Genting Highlands yang menyaksikan BN mendahului dengan 643 undi berbanding majoriti 387 undi yang diperolehnya pada 1999.

Kawasan yang mempunyai hampir 58 peratus pengundi Cina dan 32.96 peratus pengundi Melayu, selain India, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sabah dan lain-lain itu, menyaksikan BN memperoleh 890 undi, berbanding DAP yang hanya mendapat 247 undi.

Bagi Bukit Tinggi yang 79.42 peratus pengundinya adalah Cina, majoriti BN meningkat kepada 91 undi berbanding 20 undi pada 1999. Kali ini BN mendapat 398 undi di situ berbanding DAP dengan 307 undi.

Seperti dijangka, sokongan padu jelas diberikan penduduk di lima kawasan

majoriti Melayu kepada BN, iaitu Felda Mempaga, Janda Baik, Benus, Ketari Tengah dan Ketari Selatan, apabila jumlah undi yang diterima BN jauh lebih tinggi.

Bagi Felda Mempaga yang 99 peratus pengundinya adalah Melayu, BN berjaya meningkatkan majoritinya kepada 645 undi, berbanding 436 undi pada 1999.

Di Janda Baik, yang pengundi Melayunya terdiri daripada 93.3 peratus pemilih berdaftar pula, BN meningkatkan majoritinya kepada 372 undi berbanding 198 undi pada 1999.

Benus yang mempunyai 74 peratus pengundi Melayu, menyaksikan BN mendahului dengan 564 undi dalam pilihan raya kecil kali ini berbanding majoriti 262 undi pada 1999.

Di Ketari yang mempunyai 73 peratus pengundi Melayu, BN melonjakkan majoriti kepada 300 undi berbanding 162 pada 1999.

Bagi kawasan Ketari Selatan yang 48.3 peratus pengundinya adalah Melayu berbanding 32 peratus Cina dan bakinya India dan lain-lain, calon BN memperoleh majoriti 235 undi kali ini berbanding 62 undi pada 1999.

Walaupun ketinggalan dari segi jumlah undi di dua lagi kawasan, iaitu Perting dan Ketari Tengah, namun BN juga berjaya meningkatkan majoriti di kedua-dua kawasan terbabit. Perlu diingat, Perting adalah kubu kuat DAP kerana di kampung itu juga terletaknya ibu pejabat DAP Pahang.

Kawasan itu masing-masing mempunyai 99.35 peratus dan 74.6 peratus pengundi Cina. Malah, Perting juga mempunyai jumlah pemilih berdaftar paling ramai di kawasan DUN Ketari, iaitu 3,710 orang, sementara Ketari Tengah mempunyai 2,201 pemilih berdaftar.

Bagi Perting, BN memperoleh 946 undi dalam pilihan raya kecil ini manakala DAP mendapat 1,850 undi berbanding pada 1999 apabila BN hanya mendapat 838 undi dan DAP 2,042 undi di kawasan berkenaan.

Sementara di Ketari Tengah, DAP cuma mendahului BN dengan tiga undi apabila memperoleh sejumlah 765 undi berbanding BN yang mendapat 762 undi. Pada 1999, DAP mendapat 862 undi berbanding 686 yang diperoleh BN.

Ini bermakna BN berjaya menambah 300 undi lagi di Perting kali ini dan menambah 700 undi di kawasan Ketari Tengah.

Ini sebagai satu tanda yang amat melegakan BN yang pastinya mahu 'memutihkan' kawasan ini, terutama pada pilihan raya umum akan datang.

Apa pun analisis dan bedah siasatnya kelak, terbukti peningkatan sokongan terhadap BN di semua kawasan majoriti pengundi Cina. Ia juga menunjukkan pengundi di Ketari tidak lagi boleh dijaja dengan isu picisan dan isu basi yang selama ini menjadi pertaruhan pemimpin DAP setiap kali berkempen.

Begitu juga pengundi Melayu yang tidak lagi mahu melayan kerenah serta pembohongan yang cuba disebarkan pembangkang, terutama Pas, yang beria-ia benar membantu kempen DAP walaupun kedua-duanya sudah 'jatuh talak'.

Pakatan sementara yang mereka cuba tonjolkan di Ketari - biarpun secara rasminya mereka sudah berpisah - adalah satu lagi siri sandiwara pembangkang yang telah ditolak oleh pengundi di DUN Ketari.

Malah, cubaan DAP menagih simpati dengan meminta pengundi memilih calonnya, Choong Siew Onn, kerana dia pernah tewas dua kali sebelum ini dan memberikan ia peluang kerana ini adalah cubaan ketiganya, ditolak mentah-mentah oleh pengundi.

Jelas bagi pengundi di Ketari, masa depan mereka bukan satu pertaruhan atau boleh dijual beli dengan dasar simpati.

Oleh itu, mereka memberi kemenangan lebih besar kepada BN dalam pilihan raya kecil ini dengan majoriti 2,204 undi berbanding hanya majoriti 231 undi pada pilihan raya umum 1999.

Mandat sebanyak 7,153 undi yang telah diberikan oleh pengundi di situ kepada calon BN, berbanding 4,949 undi kepada DAP, adalah mesej jelas pengundi di situ yang mahukan kesinambungan kepimpinan BN yang mengambil

kira kepentingan semua kaum.

Pilihan tepat bagi mereka adalah BN, parti melalui kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tidak meminggirkan mana-mana kaum dan memberi peluang kepada semua kaum untuk menikmati hasil pembangunan negara.

Tidak hairanlah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengepalai jentera kempen di Ketari, menganggap kemenangan BN itu sebagai kemenangan konsep kerjasama dalam BN di bawah kepimpinan Dr Mahathir. Konsep perkongsian kuasa dalam BN menjadi pilihan raya rakyat.

Kemenangan kelima berturut-turut BN dalam pilihan raya kecil setakat ini - sebelumnya di Sanggang, Pahang; Parlimen Telok Kemang, Negeri Sembilan; DUN Likas, Sabah dan DUN Indera Kayangan, Perlis - harus menjadi mesej jelas kepada pembangkang bahawa rakyat di negara ini tidak lagi dapat dijaja dengan dakyah dan pembohongan.

Seperti kata Pengarah Jentera Pilihan Raya BN Ketari, Datuk Seri Adnan Yaakob, Ketari adalah satu "test tube" terbaik kepada BN kerana dapat mengalahkan DAP selepas Sanggang menyaksikan tumbangnya Pas.

Maka, katanya, dua kejayaan itu hampir lengkap untuk mengetepikan barisan pembangkang kecuali Keadilan yang masih belum bertembung dengan BN di Pahang.

"Ketari amat menarik untuk dianalisis kerana di sinilah bagaimana BN dapat menarik penyertaan pelbagai kaum yang hampir seimbang, khususnya orang Cina dan Melayu," katanya pada majlis bersarapan dengan dengan wartawan, 12 jam selepas kemenangan calon BN.

(END)